

## **DIALOG TELUK WAHANA PEMANGKIN SASTERA SERUMPUN DI TELUK BRUNEI**

oleh **Hamzah Hamdani**  
(Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia)

Kegiatan Dialog Teluk siri kesembilan yang berlangsung di Beaufort, Sabah, pada 23-24 Ogos 2014 ini adalah lanjutan daripada pelbagai kegiatan 'dialog' yang telah dimulakan sejak tahun 1982. Namun rangkaian kegiatan ini sebenarnya dapat disusur galurkan sejak tahun 1972 apabila Malaysia dan Indonesia menyatukan sistem ejaan. Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) yang ditubuhkan pada tahun 1970, di bawah pimpinan Ketua Satu Prof Ismail Hussein, melihat perlunya para sasterawan Malaysia dan Indonesia bertindak memperkukuhkan kesatuan itu melalui kegiatan penciptaan dan perbincangan karya sastera kedua-dua negara. Langkah awal yang dilakukan oleh GAPENA ialah mengadakan Seminar Kesusasteraan Nusantara pada tahun 1973 bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada waktu itu fokus pengertian Nusantara ialah negara Malaysia dan Indonesia.

Usaha tersebut dilanjutkan oleh ASAS '50, Singapura, yang menganjurkan Pertemuan Sasterawan Nusantara I di Singapura pada tahun 1977. Dalam PSN tersebut, kegiatan melibatkan para sasterawan tiga negara: Singapura, Indonesia dan Malaysia. Resolusi PSN yang penting ialah persetujuan untuk meneruskan PSN sebagai kegiatan dwitahunan secara bergilir-gilir di negara-negara dalam wilayah Nusantara. Dalam PSN ketiga di Kuala Lumpur pada tahun 1981, para sasterawan dari Brunei Darussalam mulai ikut serta. Hasilnya, PSN keempat diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1985. Meskipun tanpa dana yang tetap, badan-badan penganjur PSN seperti ASAS '50 (Singapura), GAPENA (Malaysia), Dewan Kesenian Jakarta (Indonesia) dan ASTERAWANI (Brunei Darussalam) dapat meneruskan kegiatan PSN secara bergilir-gilir dengan bantuan dana daripada kerajaan dan pemerintah. Dalam tempoh waktu daripada 1977 hingga 2013, PSN telah diadakan di Singapura (1977), Jakarta (1979), Kuala Lumpur (1981), Bandar Seri Begawan (1985), Makassar, Indonesia (1986), Kuching, Malaysia (1988), Singapura (1991), Bandar Seri Begawan (1994), Padang, Indonesia (1997), Johor Bahru, Malaysia (1999), Bandar Seri Begawan (2001), Singapura (2003), Surabaya, Indonesia (2004), Alor Setar, Malaysia (2007), Bandar Seri Begawan (2009), Singapura (2011) dan Pekanbaru, Indonesia (2013). Menurut rancangannya, pada tahun 2015, PSN ke-18 akan diadakan di Malaysia.

PSN adalah kegiatan pertemuan para sasterawan berskala besar yang melibatkan tokoh-tokoh di peringkat pusat. Walaupun dalam rancangannya ia diadakan dwitahunan, namun kekerapannya bergantung kepada dana yang dapat diperolehi oleh tuan rumah. Oleh kerana itu mulai dekad 1980-an, GAPENA mulai memberikan perhatian kepada kegiatan ala PSN dalam skala yang lebih kecil, iaitu menemukan para sasterawan dan budayawan dalam wilayah yang mempunyai akar sejarah dan budaya yang sama. Melalui pertemuan yang dinamakan 'Dialog', para sasterawan dalam kelompok wilayah yang kecil itu dapat dipertemukan secara lebih akrab dan kerap. Dialog Utara dimulai pada tahun 1982 di Pulau Pinang untuk wilayah utara Semenanjung (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak), utara Sumatera (Sumatera Utara dan Aceh) dan selatan Thailand. Dialog Borneo-Kalimantan dilancarkan di Miri pada 1987 untuk wilayah Sarawak, Sabah, Brunei Darussalam, Wilayah Persekutuan Labuan dan empat provinsi Kalimantan, Indonesia. Dialog Teluk dimulai di Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 1987 untuk wilayah Teluk Brunei seperti Pantai Barat Sabah, Brunei Darussalam, Limbang, Miri dan W.P. Labuan.



Dialog Selatan dimulai di Johor Bahru pada tahun 1992 untuk wilayah Johor, Riau dan Singapura. Pada tahun 1994, Dialog Pantai untuk wilayah Kelantan, Terengganu, Pahang dan selatan Thailand dilancarkan di Kota Bharu.

Berdasarkan senario tersebut, kegiatan Dialog Teluk termasuk ke dalam jaringan kegiatan yang besar, yang merangkumi seluruh Nusantara. Dalam tempoh waktu di antara tahun 1987 hingga 2014, Dialog Teluk telah diadakan di W.P. Labuan (1987), Bandar Seri Begawan (1988), Limbang (1990), Kota Kinabalu (1997), Sipitang, Sabah (2001), W.P. Labuan (2008), Miri (2010), Bandar Seri Bagawan (2012), dan Beaufort, Sabah (2014). Walaupun ada ketikanya kegiatan Dialog Teluk ini seakan-akan tenggelam kerana jarang diadakan, namun sejak W. P. Labuan menjayakannya untuk kali kedua pada tahun 2008, kekerapan dwitahunannya dapat dipulihkan. Semoga keadaan tersebut dapat dipertahankan melalui cara mengenalpasti tuan rumah kegiatan tersebut yang berikutnya.

Merujuk kepada tajuk makalah ini, iaitu "Dialog Teluk Wahana Pemangkin Sastera Serumpun di Teluk Brunei", memperlihatkan bahawa kegiatan ini diadakan untuk mempertemukan para pengarang di wilayah Teluk Brunei bagi membincangkan persoalan-persoalan bahasa, sastera dan budaya serumpun: masa lalu, masa kini dan masa depan. Negara Brunei Darussalam yang telah wujud sebagai kerajaan yang besar sezaman dengan Kerajaan Melaka telah mewarisi tradisi persuratan yang besar, umpamanya *Syair Rakis* karya Pengiran Shahbandar Mohd. Salleh, yang kritis terhadap kuasa Barat yang mahu menguasai Labuan. Hasil persuratan di Brunei Darussalam terus berkembang sehingga kini sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah negara merdeka. Wilayah di Teluk Brunei seperti Pantai Barat Sabah (dari Papar hingga Sindumin), W.P. Labuan, Miri dan Limbang pernah menjadi sebahagian daripada Brunei. Di wilayah-wilayah tersebut telah berkembang hasil persuratan oleh para pengarang generasi lepas merdeka. Melalui kegiatan Dialog Teluk inilah kita dapat mengenali tradisi persuratan yang tumbuh, berkembang dan maju di wilayah Teluk Brunei, yang berpunca daripada akar sejarah dan budaya yang sama.

Dalam tradisi persuratan moden, Brunei Darussalam telah melahirkan pengarang-pengarang terkemuka antaranya seperti Yura Halim, S.M. Salleh, Syukri Zain, Yahya M.S., Badaruddin H.O., Adi Rumi, Salmi Mesra, Adi Marhaen, Muslim Burmat, A. Rahman Yusof, Hashim Abd. Hamid, Jawawi Ahmad, Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah, Norsiah M.S., Mussidi, Mohd. Zefri Arif, Adi Swara, Camar Putih, Firdaus Noordin, Z.A. Brunei dan ramai lagi. Di Pantai Barat Sabah (dari Papar hingga Sindumin), muncul pengarang-pengarang antaranya seperti Shuhaibun Yussuf, S. Mala, Suhaini S, Zaiton Ajamain, R. Hamzah Dua, Matlin Dullah, Ismaily Bongsu, Asmiah Ajamain, Jasni Matlani, Hasyuda Abadi, Mohd. Ariffin Mohd. Ariff, Hassan Haji Saprin, Jaafar Abdul Wahid, Hassan Jaidin, Ramlee Awang Murshid, Noraini Osman, Kathirina Tati, Ailin Nor, Ammi Manja, Japar Haji Ungki, Nadin Haji Salleh, Sitti Aidah Haji Lokin, Aminah Awang Basar dan Rafidah Matasan. Dari Limbang tercatat nama-nama Awangku Merali Pengiran Mohamed, Poul Nanggung dan Benjamin Matusin. Penulis-penulis dari wilayah Miri pula ialah William Chan, Hajjah Jais, Noor Abby dan Jaya Ramba. W.P. Labuan juga melahirkan sejumlah penulis, antaranya ialah Othman Mahali, Hasnah Sambas, Norgadis Labuan dan Suhaili Bakar. Berdasarkan sayembara menulis cerpen anjuran PERWILA, ramai lagi penulis akan muncul dari wilayah yang kecil ini, yang sedang mengukir nama dalam peta sastera kebangsaan dan serantau.

Kegiatan Dialog Teluk yang telah menempuh usia 27 tahun ini wajar diberikan wajah baharu dengan pendekatan yang lebih konkrit, yang membawa kepada matlamat sebenar kegiatan ini diadakan. Sebagai kegiatan yang menjadi sebahagian daripada kegiatan besar Pertemuan Sasterawan Nusantara sejak 1977, ia diharap memperkukuhkan makna sebenar kegiatan yang besar itu. Di samping memperkatakan persoalan-persoalan bahasa, sastera dan budaya yang muncul di wilayah Teluk Brunei, perhatian kepada tokoh dan hasil karya mereka wajar diberikan perhatian utama. Berdasarkan pemerhatian terhadap pelbagai kegiatan seumpama ini, kami ingin memberikan beberapa cadangan untuk menambahbaikkan kegiatan Dialog Teluk yang akan datang.



Pertama, menubuhkan sebuah Majlis Dialog Teluk (MDT) yang dianggotai oleh ASTERAWANI (Brunei Darussalam), PERWILA (Labuan), BAHASA (Sabah), PENGKARYA (Limbang), PUTERA (Miri) dan GAPENA (sebagai badan induk persatuan-persatuan penulis di Malaysia). Majlis ini wajarlah dipengerusikan oleh persatuan yang bakal menjadi tuan rumah dalam pertemuan yang akan datang. Fungsinya adalah untuk menyelaraskan penyelenggaraan Dialog Teluk, dan menentukan tema dan cadangan jadual pertemuan.

Kedua, Majlis Dialog Teluk, melalui badan-badan anggotanya, berusaha mendapatkan kerjasama dengan pihak kerajaan dan badan-badan pengembangan bahasa dan sastera bagi mendapatkan dana dan kemudahan-kemudahan prasarana untuk menjayakan Dialog Teluk di negara dan wilayah masing-masing. Usaha ini suatu proses yang berterusan melalui rancangan jangka panjang. Pelbagai pihak lain yang berminat juga harus diikutsertakan dalam pendanaan dan penyelenggaraan Dialog Teluk.

Ketiga, penerbitan karya para pengarang di wilayah Teluk Brunei wajar diberikan perhatian setiap kali diadakan Dialog Teluk. Melalui usaha ini khalayak akan dapat mengenali tokoh dan karya para penulis. Namun urusan penerbitan ini memerlukan kerja jangkapanjang, iaitu untuk mengumpulkan karya-karya penulis dan mendapatkan bantuan penerbitan, terutama dari Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dan Cawangan Sarawak, dan Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. Dalam konteks ini, pihak GAPENA bersedia untuk memberikan khidmat nasihat demi menjaga kualiti penerbitannya.

Keempat, kerja pendokumentasian hasil kertas kerja Dialog Teluk I – IX wajar menjadi agenda kepada Majlis Dialog Teluk. Berdasarkan pengalaman peribadi, inilah tugas yang rumit kerana kita kurang memberikan perhatian kepada kerja-kerja pendokumentasian hasil daripada seminar, apalagi kerja-kerja penerbitan kertas-kertas kerja tersebut. Semoga Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Negara Brunei Darussalam dapat membantu urusan ini.

Kelima, memberikan pengiktirafan terhadap tokoh-tokoh penulis yang telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada perkembangan bahasa, sastera dan budaya di wilayah Teluk Brunei. Oleh kerana seringkali cadangan pengiktirafan ini terhambat oleh masalah dana, dicadangkan agar bentuk pengiktirafan tersebut bukan dalam bentuk wang. Karya tokoh-tokoh yang diberikan pengiktirafan itu diperkatakan secara mendalam sewaktu sesi seminar. Kaedah pemilihan tokoh sewajarnya berdasarkan sumbangan menyeluruh seseorang tokoh itu.

Keenam, untuk memastikan kelangsungan kegiatan Dialog Teluk, pihak Majlis harus menentukan siapa bakal tuan rumah Dialog Teluk yang akan datang. Bakal tuan rumah harus diberikan kepada wilayah secara bergiliran. Dalam tempoh waktu dua tahun, ruang masa mencukupi untuk membuat persiapan.

Sebagai kesimpulan, kami berpandangan bahawa kegiatan Dialog Teluk yang telah menempuh usia tiga dekad ini harus dimantapkan penyelenggaraannya melalui Majlis Dialog Teluk yang dapat menentukan halatujunya secara lebih konkrit. Meskipun masalah dana kewangan seringkali menghambat kelangsungan kegiatan ini, namun sehingga kini ia masih dapat diteruskan berdasarkan kemampuan yang ada. Yang penting, kegiatan ini dapat diteruskan sebagai pemangkin perkembangan sastera serumpun di wilayah Teluk Brunei. Penglibatan penulis generasi muda harus diberikan perhatian kerana merekalah yang akan meneruskan legasi perkembangan bahasa dan sastera di wilayah Teluk Brunei dalam rangkaian sastera Nusantara.

## Rujukan

Hamzah Hamdani dan Abang Haliman Abang Julai (ed.), 2003. *Pelagus: Antologi Sastera Sarawak*. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Hamzah Hamdani dkk (ed.), 2004. *Biografi Penulis Sabah*. Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Ismail Hussein, 2012. *Almanak 40 Tahun GAPENA*. Kuala Lumpur: Gapeniaga Sdn. Bhd.

MASTERA (ed.), 2012. *Sejalur Menuju Puncak*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Sahlan Mohd. Saman, 2011. *Kesusasteraan Bandingan Mentafsir Budaya & Kehidupan*. Bandar Seri Begawan: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Brunei Darussalam.